



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

## SIARAN AKHBAR

# **SURUHANJAYA SYARIKAT MELANCARKAN AGENDA TANGGUNGJAWAB KORPORAT 30 JUN 2009**

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) memperkenalkan pelan induknya untuk menggerak dan menstrukturkan tanggungjawab korporat (CR) di Malaysia. Pelan induk yang dinamakan sebagai '**Agenda Tanggungjawab Korporat SSM**' (Agenda CR SSM) telah dilancarkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dokumen tersebut memperkenalkan kerangka strategik organisasi serta menggariskan strategi SSM dalam menerapkan budaya CR di kalangan syarikat dan perniagaan di Malaysia.

Agenda CR SSM mengandungi 4 bab yang boleh dihuraikan secara ringkas seperti berikut:

(a) **Bab I:** Gambaran Ringkas CR

Asal usul, konsep dan evolusi CR di Malaysia khususnya serta secara global dihuraikan secara ringkas. Penerangan berkenaan peranan am sektor awam dalam

tanggungjawab korporat serta isu berkenaan CR yang mungkin dihadapi pada masa hadapan turut dibincangkan.

(b) **Bab II:** Parameter Agenda CR SSM

Bab ini menghuraikan mengenai parameter SSM berkaitan dengan topik CR termasuk definisi dan pernyataan organisasi berhubung dengan CR. Objektif Agenda CR SSM serta klasifikasi CR secara am turut dihuraikan.

(c) **Bab III:** Melaksanakan Pelbagai Peranan CR Sektor Awam

Bab ini menjelaskan mengenai pelbagai projek serta inisiatif yang akan dijalankan oleh SSM dalam membentuk serta mempertingkatkan CR di Malaysia. Di antara inisiatif yang dikenalpasti adalah membentuk Lembaga Penasihat CR, mengambil inisiatif untuk menjalankan penyelidikan secara usahasama bersama institusi pengajian tinggi ternama, membangunkan *CR-Business Matching Centre* serta meningkatkan kesedaran di kalangan komuniti korporat dan perniagaan berhubung CR.

(d) **Bab IV:** Mendakap Konsep CR

SSM bukan setakat mempromosikan agenda CR di kalangan pihak-pihak berkepentingan malah akan menyerapkan budaya CR ke dalam operasi harian sesuatu organisasi. Pelbagai aspek berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar, ekonomi dan masyarakat

akan diamalkan oleh SSM untuk dijadikan contoh tauladan orang ramai. Ini dapat dilakukan melalui aktiviti kitar semula, menyokong amalan penjimatan tenaga, melakukan kerja-kerja amal serta merancang polisi yang menekankan kepentingan pekerja.

Objektif pengwujudan Agenda CR SSM adalah seperti berikut:

- (i) Menaman budaya CR di kalangan persekitaran perniagaan di Malaysia;
- (ii) Menggalakkan syarikat dan perniagaan untuk menuju ke arah mencapai keseimbangan di antara mendapatkan keuntungan dan membina suasana kehidupan yang selesa dan berkekalan;
- (iii) Menyemai budaya korporat yang mementingkan inisiatif CR serta membina premium syarikat dan perniagaan di kalangan pemain korporat Malaysia; dan
- (iv) Membolehkan SSM menjalankan serta menyebarkan amalan tadbir urus korporat yang baik dan mempunyai asas yang lebih holistik.

Pelaksanaan Agenda CR SSM akan dijalankan di peringkat Nasional. Kesemua aktiviti dan promosi berkaitan CR yang dijalankan oleh SSM akan menggunakan logo berikut:



Logo SSM ini melambangkan usaha SSM dalam menyemai konsep “triple bottom line” dalam menggerakkan Agenda CR SSM. Syarikat dan perniagaan diingatkan dalam mengejar keuntungan, mereka perlu mengambil kira faktor-faktor seperti implikasi terhadap alam sekitar, ekonomi dan masyarakat.

Agenda CR SSM adalah unik dan lantaran itu, SSM tidak membataskan CR untuk dipraktikan di kalangan syarikat tertentu sahaja. SSM percaya konsep CR adalah universal dan boleh di gunapakai oleh semua syarikat tidak kira besar atau kecil jenis perniagaan. Dengan adanya lebih daripada 850,000 syarikat, SSM percaya bahawa ia mempunyai kedudukan yang baik untuk mamacu Agenda CR kepada semua kalangan syarikat lantarnya ia akan memberi impak positif secara amnya kepada Negara. Tambahan SSM akan juga memperluaskan konsep CR ini kepada lebih 3.9 juta perniagaan (i.e. perniagaan milikan tunggal dan perkongsian).

SSM menganggap terma '*korporat*' dalam phrase '*corporate responsibility*' sabagai salah satu klasifikasi yang menjadikan konsep CR relevan terhadap semua jenis modul perniagaan samada dalam bentuk syarikat tempatan, syarikat asing, perniagaan milikan tunggal dan perkongsian.

SSM juga percaya sektor awam mempunyai peranan yang penting untuk menambahbaik CR dalam negara. Dalam pembangunan Agenda CR SSM, 4 peranan utama sektor awam yang telah dikenalpasti oleh Bank Dunia telah digunapakai, seperti berikut:

- Memandatkan CR melalui peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan amalan terbaik ("best practices").
- Memudahkan amalan CR dinegara
- Mewujudkan perkongsian strategik dan perikatan dengan ahli-ahli sektor swasta
- Mengiktiraf dan menyokong CR di Malaysia

Implimentasi Pelaksanaan Agenda CR SSM bermula dengan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara SSM dan UKM. MOU ditandatangani oleh Dato' Azmi Bin Ariffin, Ketua Pegawai Eksekutif SSM, bagi pihak SSM dan Professor Dr. Saran Kaur Gill, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), bagi pihak UKM.

MOU yang disediakan untuk penyelidikan bersama oleh kedua-dua institusi berkaitan dengan pembangunan dan tren CR di kalangan syarikat di Malaysia akan menggunakan maklumat korporat yang terkandung dalam pangkalan data maklumat SSM manakala UKM

pula akan memberi sumbangan dari segi tenaga pakar penyelidik dan methodologi. Hasil kajian dijangka akan memberikan kefahaman yang lebih baik mengenai struktur, tren dan tahap kesedaran mengenai CR di kalangan syarikat di Malaysia.

MOU ini turut menyediakan platform kepada UKM dan SSM untuk turut serta dalam mesyuarat dan perbincangan bersama dalam membangun, menstruktur dan menambahbaikkan CR di Malaysia. Selain itu, kedua-dua pihak akan turut sama mempromosi CR di Malaysia di samping menghasilkan kertas kerja dan artikel berkualiti dan dinamik berkaitan CR.

MOU ini menandakan permulaan jalinan kerjasama strategik di antara sebuah badan pengawalselia korporat dan institusi pengajian tinggi dan ianya merupakan jenis memorandum perjanjian yang pertama yang ditandatangani oleh SSM dan UKM.

**Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**

**30 Jun 2009**